

Kempen "Jom Simpan ASB" 2024 ("Kempen")

Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini bermula pada 00:00 jam (GMT + 8) 1 April 2024 dan berakhir pada 23:59 jam (GMT + 8) 31 January 2025 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknyanya.
3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat di bawah.

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit Amanah Saham Bumiputera ("ASB") dan Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB 2") ("Unit Amanah Layak") sedia ada dan baharu kecuali semua kakitangan, pekerja dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai:
 - i. PNB;
 - ii. ASNB;
 - iii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (198801008611 (175967-W));
 - iv. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (200001015384 (517991-A));
 - v. PNB Research Institute Sdn. Berhad (198501007000 (139442-U));
 - vi. Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (201901007717 (1317044-M));
 - vii. Raiz Malaysia Sdn Bhd (201801021108) (1283127-W)
 - viii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
2. Objektif Kempen adalah bagi menggalakkan simpanan di kalangan Bumiputera pelbagai peringkat umur menyimpan dalam ASB dan/atau ASB 2 bagi mengukuhkan kedudukan kewangan untuk masa hadapan.
3. Peserta Kempen ("Peserta") adalah terdiri daripada pemegang unit berdaftar Akaun Dewasa atau Akaun Remaja dalam Unit Amanah Layak dan pemegang unit baharu yang membuka akaun semasa Tempoh Kempen.
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Peserta mestilah membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) dalam mana-mana Unit Amanah Layak sepanjang Tempoh Kempen.

- ii. Peserta mestilah berjaya membuat pelaburan dalam bentuk tunai melalui platform ("Platform") berikut:
 - a. kaunter cawangan ASNB dan ejen-ejen ("Kaunter")
 - b. myASNB iaitu portal (www.myasnb.com.my) dan/atau aplikasi mudah alih
 - c. perbankan internet ejen-ejen yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB
 - d. Ejen digital ASNB seperti TouchnGo eWallet dan lain-lain ejen digital yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB
 - e. mesin ATM Maybank, CIMB Bank dan mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi Unit Amanah Layak
 - f. mesin kiosks ASNB
 - g. Skim Potongan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta) (tidak termasuk Auto Labur)
 - h. Arahan Tetap melalui Malayan Banking Berhad (Maybank) dan Bank Simpanan Nasional (BSN)

Mekanisme Kempen

a. Kriteria kelayakan dan fasa pemilihan pemenang

1. Kelayakan untuk menyertai kempen adalah dengan memenuhi dua (2) kriteria utama berikut:
 - i. Membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) dalam mana-mana Unit Amanah Layak.
 - ii. Mesti mendaftar untuk menyertai kempen, melalui pilihan 2 cara berikut:
 1. Mengisi borang pendaftaran online (Microsoft Form) melalui *QR code* yang dipaparkan dalam semua kandungan bahan promosi Kempen. Maklumat berkaitan pendaftaran kempen melalui online form juga boleh didapati dalam promosi Kempen di laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my), portal myASNB (www.myASNB.com.my), aplikasi myASNB, media sosial ASNB dan mana-mana saluran media yang berkaitan. Peserta hanya perlu mendaftar melalui borang online sekali sahaja untuk Tempoh Kempen.
 2. Sekiranya Peserta tidak mengisi borang pendaftaran online (Pilihan 1), tetapi Peserta mengisi frasa '**JomASB**' pada 'Kod Rujukan' semasa membuat transaksi pelaburan melalui aplikasi myASNB dengan minimum pelaburan yang layak untuk Kempen ini, Peserta juga telah dikira sebagai telah mendaftar untuk Kempen ini.
2. Penyertaan automatik bagi pemegang unit ASB dan/atau ASB 2 yang baharu mendaftar akaun dalam Tempoh Kempen.
3. Kempen ini dibahagikan kepada tiga (3) fasa pemilihan pemenang dan satu pemilihan pemenang hadiah utama.

- Berikut adalah tempoh pelaburan dan jumlah minimum pelaburan yang layak untuk tiga (3) kali pemilihan pemenang dan pemenang hadiah utama.

Jadual 1

Pemilihan Pemenang	Tempoh Pelaburan	Jumlah Pelaburan Minimum (RM)
Fasa 1	1 April 2024 – 30 Jun 2024	RM30
Fasa 2	1 Julai 2024 – 30 September 2024	
Fasa 3	1 Oktober 2024 – 31 Januari 2025	
Hadiah Utama	1 April 2024 - 31 Januari 2025	RM300

- Peserta juga mestilah mempunyai peningkatan dalam jumlah pegangan pada tempoh pelaburan yang ditetapkan (seperti Jadual 1) untuk layak pada pemilihan pemenang hadiah fasa 1, fasa 2, fasa 3 dan hadiah utama.
- Peserta yang layak akan dipilih untuk pemilihan Pemenang Kempen ("Pemenang") secara rawak melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.

b. Hadiah Kempen

- Kempen ini menawarkan hadiah mengikut pemilihan seperti berikut:

Jadual 2: Hadiah untuk 3 fasa pemilihan pemenang

Tempat	Bilangan Pemenang	Hadiah Percuma Unit Amanah (RM)
Pertama	5 x 3 fasa pemilihan = 15	10,000
Kedua	10 x 3 fasa pemilihan = 30	3,000
Ketiga	30 x 3 fasa pemilihan = 90	1,000

- Hadiah utama merupakan unit amanah dalam bentuk "Target Investment Plan" yang mana amaun hadiah dikekalkan dalam akaun Pemenang untuk tempoh yang ditetapkan. Ini adalah bertujuan dalam menggalakkan pelaburan jangka-panjang dan memberi manfaat pelaburan berkembang melalui kuasa pengkompaunan.

Jadual 3: Hadiah Utama

Tempat	Bilangan Pemenang	Hadiah Percuma Unit Amanah (RM)	"Target Investment Plan" bertempoh
Pertama	1	100,000	2-tahun
Kedua	2	50,000	1-tahun
Ketiga	3	25,000	
Keempat	4	15,000	
Kelima	5	5,000	

3. Peserta layak memenangi hanya SATU (1) kali hadiah unit amanah dalam Tempoh Kempen.
4. Hadiah adalah dalam bentuk unit amanah ASNB harga tetap dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak menawarkan hadiah dalam bentuk mana-mana unit amanah ASNB tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan pelaburan ke atas Pemenang atas sebab-sebab tertentu dan atas budi bicara mutlakunya.
5. Untuk menebus hadiah unit amanah yang dimenangi, Pemenang perlu mempunyai mana-mana akaun unit amanah ASNB. Pelaburan permulaan dan/atau caj berkaitan yang perlu untuk menebus hadiah adalah ditanggung oleh Pemenang.
6. Sekiranya seseorang Pemenang tidak memberi maklum balas sekiranya diminta memenuhi sebarang keperluan berkaitan pengkreditan hadiah unit amanah dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
7. ASNB berhak untuk mengganti dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakunya.
8. Hadiah unit amanah akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah pemenang dalam masa TIGA (3) bulan selepas senarai Pemenang diumumkan dan/atau selepas sebarang keperluan berkaitan pengkreditan unit dilaksanakan.
9. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian dan akan disiarkan di laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar Pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua Pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga

tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNBN.

5. ASNBN berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis melalui www.asnb.com.my atau saluran media sosial ASNBN.
6. ASNBN berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.
7. ASNBN tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
8. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
9. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.